

10 OCT 1997

Umno-Adut

ADUT TINGGALKAN UMNO, MASUK PBRs

KOTA KINABALU, 10 Okt (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Nabawan dari Umno, Datuk Haji Adut Sigoh @ Adib meninggalkan parti itu dan memohon menyertai sebuah lagi parti komponen Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) "sebagai satu langkah memantapkan BN negeri."

Adut yang juga seorang pemimpin berpengaruh kaum Murut dalam BN berkata beliau akan membawa bersamanya kira-kira 3,000 penyokong yang sebahagian besarnya terdiri daripada bekas anggota pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS), menyertai PBRs hari ini.

Beliau menyerahkan borang permohonannya untuk menyertai PBRs kepada Pengerusi Bahagian PBRs kawasan Pensiangan, Encik Ellron Alfred Angin di ibu pejabat PBRs di sini. Majlis itu disaksikan Presiden PBRs, Datuk Joseph Kurup, penasihat parti, Datuk Dr Herman Luping dan pemimpin kanan parti.

Adut, bekas Menteri Perkhidmatan Sosial ketika pemerintahan PBS, berkata permohonannya menyertai PBRs adalah bagi memantapkan BN dan atas desakan 3,000 penyokongnya di pedalaman yang mahukan beliau menyertai PBRs.

"Saya harap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tersinggung dengan tindakan saya. Ini semata-mata demi memperkukuhkan lagi sokongan kaum Murut kepada BN negeri," katanya.

Menurutnya lagi beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai anggota Umno kepada Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Yahya Husin, dan pejabat Umno Bahagian Nabawan semalam.

Apabila ditanya mengenai kenyataan Setiausaha BN Negeri, Datuk Karim Bujang semalam bahawa tindakannya menyertai PBRs itu boleh merosakkan perpaduan dan imej BN, Adut berkata tindakannya sebaliknya telah memperkuatkan BN kerana kalau tidak maka lebih ramai orang mungkin telah menyertai parti pembangkang.

"Mungkin Umno ini tidak berapa sesuai dengan kebudayaan suku kaum Murut, (maka itu ramai penyokongnya mahukan beliau menyertai PBRs)," katanya sambil mengingatkan bahawa beliau tidak meninggalkan perjuangan BN malah memperkukuhkannya lagi.

Sementara itu Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri menyambut baik penyertaan Adut dan berkata permohonannya akan dipertimbangkan oleh majlis tertinggi parti yang akan bermesyuarat tidak lama lagi.

Kurup juga berkata beliau akan mendapatkan pandangan pemimpin komponen BN Negeri yang lain mengenai perkara itu. -- BERNAMA

KG NMO